

## MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI NANYANG (NTU)

►FAKHURRADZI ISMAIL  
mffismail@sph.com.sg

DEMI membantu meringankan beban kewangan keluarga, Encik Andyqa Mohd Khalid sanggup mengabalkan pelajarannya sehingga beliau hampir tercicir dari universiti.

Sebahagian besar waktunya diperuntukkan dengan mengajar tuisyen secara sambangan.

Namun kegalalannya sedikitpun tidak memahang semangat beliau untuk terus menggenggam segulung ijazah dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Beliau antara graduan 2021 yang akan menerima ijazah mereka pada majlis konvokesyen yang diadakan secara fizikal tahun ini.

“Ketika saya masih menjalani perkhidmatan negara, bapa saya telah diberhentikan kerja, sementara ibu saya pula bekerja sebagai seorang ejen rumah sambutan dan meluangkan sebahagian besar masanya untuk menjaga kakak saya yang kurang upaya.

“Saya mengambil keputusan untuk membantu kewangan keluarga dengan mengajar tuisyen kerana ia memberi saya peluang menunaikan pendapatan yang mencukupi.

“Dengan hasil pendapatan yang saya bawa pulang itu, saya juga mampu bantu membayar perbelanjaan sekolah adik saya.

“Ini berterusan walaupun selepas saya melanjutkan pelajaran di universiti,” kata anak ketiga empat beradik itu.

Hampir setiap hari selepas kelas tutorial dan kuliah, Encik Andyqa, 25 tahun, akan terus ke rumah pelajarannya pada waktu petang dan akan habis mengajar tuisyen pada sebelah malam.

Hujung minggu pula beliau banyak meluang masa mengajar tuisyen hampir sehari sukuatu.

“Ini menjadi rutin seharian saya, sehingga kadangkala saya akan menolak tawaran rakan-rakan untuk keluar berjumput.

“Memang saya suka mengajar tuisyen kerana ia memberi saya satu kepuasan,” tambah Encik Andyqa yang mengajar matematik dan sains kepada pelajar sekolah menengah, dan pada suatu ketika dulu pelajar sekolah rendah.

OLEH kerana itu, ia telah menyebabkan beliau meraih keputusan yang kurang membangangkan semasa tahun kedua dalam jurusan Kejuruteraan Kimia dan Biomolekul di NTU.

Gred Purata Mata (GPA) yang diraihnya pada ketika itu ialah 0.58.

Memburukkan keadaan, Encik Andyqa juga pernah gagal empat modul yang diajarnya.

Lebih membimbangkan lagi, Encik Andyqa bukan hanya sekadar gagal sekali dalam empat mata pelajaran tersebut, malah sebanyak dua kali.

# Hampir tercicir dari universiti dek sibuk ajar tuisyen

Berjaya bangkit memburu ijazah walau Gred Purata Mata (GPA) yang diraih pada satu ketika hanya 0.58.



TIDAK PATAH SEMANGAT: Walaupun pernah dua kali gagal semasa menuntut di NTU dan hampir tercicir, ia tidak mematahkan semangat Encik Andyqa untuk meraih keputusan cemerlang dan akhirnya menerima ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Biomolekul dari NTU. – Foto BM oleh ALPHONSUS CHERN

“Apabila saya mengajar tuisyen, secara semula jadi saya akan ketinggalan dalam pengajian saya... dan pada semester terakhir saya pernah berfikir untuk berhenti sekolah sebelumnya dilepaskan kerana keputusan saya yang kurang baik.

Pada waktu itu, saya juga beranggapan bahawa pendapatan saya daripada mengajar tuisyen sudah memadai dan saya menjadikan tuisyen sebagai alasan untuk mlepaskan masalah pelajaran saya.”

– Encik Andyqa Mohd Khalid.

“Apabila saya mengajar tuisyen, secara semula jadi saya akan ketinggalan dalam pengajian saya... dan pada semester terakhir saya pernah berfikir untuk berhenti sekolah sebelumnya dilepaskan kerana keputusan saya yang kurang baik.

“Pada waktu itu, saya juga beranggapan bahawa pendapatan saya daripada mengajar tuisyen sudah memadai dan saya menjadikan tuisyen sebagai alasan untuk mlepaskan masalah pelajaran saya.” kata beliau.

Mujur, mentor akademik serta kaunselor sekolah telah memberinya dorongan dan kata-kata semangat untuk terus berusaha hingga beliau mampu meraih keputusan cemerlang.

Dengan bantuan mereka serta rakan-rakan, Encik Andyqa berjaya mendapat tiga gred A dan satu B bagi modul yang pernah beliau gagal dahulu.

Beliau yang kini bertugas sebagai juruterpa proses di ExxonMobil berkata:

“Saya bersyukur dari amat berterima kasih kepada mereka kerana tidak pernah putus memberi saya dorongan.

“Saya masih ingat antara nasihat yang diberikan oleh mentor saya iaitu, ‘jika kita tidak menghadapi masalah yang dilalui dengan segera, ia akan sentiasa kembali menghantui kita’.

“Nasihat itu memberi saya dorongan hingga ke hari ini.”